

UMNO: TANDING JALAN LANCAR

JOHOR BAHRU, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahawir Mohamad hari ini melahirkan harapan bahawa pertandingan untuk jawatan-jawatan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan September ini berjalan dengan licin dan kemas.

Perdana Menteri berkata dalam mengadakan perubahan dan peralihan pucuk pimpinan dalam pergerakan-pergerakan

tersebut janganlah sampai berlaku pergolakan yang boleh melemahkan parti.

Tidak ada ertinya kemenangan yang diperolehi tetapi mengakibatkan perpecahan dan menjejaskan perpaduan parti, tegasnya.

Berucap merasmikan mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Johor Baharu hari ini, beliau berkata yang penting ialah cara pemilihan tersebut dijalankan.

Beliau yang juga Presiden Umno berharap tidak akan timbul sungutan dan rasa tidak

puashati selepas pemilihan dibuat.

Bagaimanapun, katanya, segala sungutan boleh disalurkan kepada pihak-pihak tertentu yang akan menjalankan sisatan sekiranya terdapat pemilihan yang dibuat luar dari peraturan yang ditetapkan.

Beliau mengingatkan bahawa segala pengurusan parti hendaklah mengikut peraturan yang ditentukan.

Beliau yakin, sekiranya amalan ini dipatuhi, Umno akan kekal sebagai sebuah parti yang kuat dan kukuh.

Beliau berkata dalam pengurusan parti, pertandingan jawatan dan pemilihan rasa tidak puashati dan perselisihan faham adalah satu perkara biasa.

Tetapi sekiranya perkara tersebut dibenar mempengaruhi emosi sehingga para ahli lupa akan matlamat asal parti maka ia akan menjejaskan perpaduan yang telah dicapai.

Tegasnya, ahli-ahli harus menerima apa yang ditentukan oleh pucuk pimpinan bagi kepentingan parti. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia